

**Terpulang Kepada Dua Exco Terbabit Untuk Terus Kekal Sebagai Exco - Azizan Bernama**  
**27 Februari , 2012**

ALOR SETAR, 27 Feb (Bernama) -- Menteri Besar Kedah Datuk Seri Azizan Abdul Razak berkata terpulang kepada Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi dan Datuk Dr Ismail Salleh sama ada mereka mahu kekal sebagai Exco kerajaan negeri atau tidak.

Katanya beliau tidak dapat memastikan bahawa kedua-dua Exco itu akan kekal walaupun Jawatankuasa PAS Pusat telah memutuskan bahawa semua Exco kerajaan negeri Kedah akan kekal untuk tempoh setahun lagi.

Beliau berkata walaupun Setiausaha Agung parti Datuk Mustafa Ali berkata parti itu akan mengambil tindakan yang sepatutnya bagi memastikan kesemua 10 Exco itu kekal, namun ia tetap terpulang kepada Phahrolrazi dan Dr Ismail.

"Jika jawatankuasa parti mahu semua 10 Exco kekal, saya boleh patuh tetapi adakah kedua-dua mereka mahu kekal sebagai Exco," katanya di sini Isnin.

Phahrolrazi dan Dr Ismail telah menghantar surat kepada Azizan bagi menyatakan keengganan mereka dilantik semula ke jawatan itu yang dijadual diumumkan esok.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=648384>